



## **Kerajaan Perpaduan terbuka kerjasama dengan negeri**

Oleh Zatul Iffah Zolkipli - Januari 12, 2023 @ 3:17pm  
zatuliffah@bh.com.my

KUALA NERUS: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bersikap terbuka dan sedia bekerjasama dengan semua pihak termasuk pentadbiran negeri yang dikuasai pembangkang.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, pendekatan itu diambil bagi memastikan rakyat di seluruh negara mendapat manfaat menerusi pelbagai projek yang akan dibangunkan Kerajaan Persekutuan.

Katanya, Kerajaan Persekutuan turut akan memberi tumpuan kepada projek berkepentingan dan pembangunan seperti pendidikan, kesihatan dan kebajikan rakyat termasuk tebatan banjir.

"Saya ambil sikap terbuka untuk bekerjasama dengan semua termasuk dengan kerajaan-kerajaan negeri.

"Tumpuan kita (adalah) beralih daripada projek-projek besar dan mega kepada projek-projek pendidikan, kesihatan dan kebajikan rakyat termasuk tebatan banjir," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan perjumpaan bersama Ketua Jabatan dan Pegawai Kanan Persekutuan di Dewan Senat Universiti Malaysia Terengganu di sini hari ini.

Anwar berkata, kerajaan pimpinannya juga akan menggunakan tema Rahmah (kasih sayang) dalam semua semua program bantuan rakyat miskin terutama miskin tegar.

Beliau berkata, program bantuan rakyat itu akan menjadi keutamaan dalam pentadbiran Kerajaan Perpaduan.

"Program Rahmah itu dijadikan tema dalam semua program bantuan rakyat miskin terutama miskin tegar yang menjadi keutamaan kita dalam pentadbiran Kerajaan Perpaduan," katanya.

Terdahulu, Anwar turut mengadap Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin di Istana Syarqiyah di Kuala Terengganu.

Sesi menghadap Sultan Mizan itu yang pertama buat Anwar sejak Pengerusi Pakatan Harapan (PH) itu dilantik sebagai Perdana Menteri pada 24 November tahun lalu.